

17/05/1997

Bayar ikut kemampuan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan akan membayar gaji kakitangan awam mengikut kemampuan dan tidak akan berhutang semata-mata untuk memenuhi tuntutan yang berlebihan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, amalan berhutang untuk membayar gaji kakitangan awam akan menghancurkan masa depan negara. Kerajaan hanya boleh berhutang dalam sektor pembangunan kerana ia mendatangkan hasil kepada negara yang kemudiannya digunakan untuk rakyat.

"Setakat yang kita mampu kita akan bayar gaji kakitangan awam, kalau tidak mampu, tidak boleh. Kerajaan tidak boleh berhutang untuk bayar gaji kerana kita berbelanja lebih daripada pendapatan.

"Jika ini berlaku, habislah kita," katanya pada majlis penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang 1996 bagi Jabatan Perdana Menteri di Dewan Mukhtamar, Pusat Islam hari ini. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara, Datuk Abdul Halim Ali.

Seramai 75 kakitangan JPM mendapat kenaikan gaji melintang, manakala 119 menegak, mengikut Skim Saraan Baru. Mereka yang mendapat gaji melintang diberi bonus sebulan gaji, sijil, cenderamata dan Amanah Saham Bumiputera atau Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional sebanyak RM300.

(END)